

**Najib tekan pemandu teksi guna permit persendirian, kata PKR
Malaysian Insider
Mac 25, 2013
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 25 Mac — Datuk Seri Najib Razak semalam menekan pemandu teksi dakwa PKR hari ini ekoran tindakan perdana menteri menyuruh pemandu teksi perlulah "bai'ah" (mengikat janji) untuk mengundi Barisan Nasional (BN) jika mahu mendapatkan lebih banyak permit persendirian di masa hadapan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli mengecam ucapan Najib yang dianggapnya sebagai ketandusan idea dan membuktikan BN terdesak sehingga terpaksa mengambil langkah sedemikian.

"Ia membuktikan terdesaknya Datuk Seri Najib Tun Razak," kata Rafizi.

"Saya mengkritik sekerasnya kenyataan Datuk Seri Najib Tun Razak yang cuba mengumpan pemandu teksi. Ucapan beliau berbaur ugutan politik apabila beliau menyatakan bahawa pemandu teksi perlulah 'bai'ah' (mengikat janji) untuk mengundi Barisan Nasional jika mahu mendapatkan lebih banyak permit persendirian di masa hadapan," katanya.

Semalam, Putrajaya menyerahkan 1,000 permit teksi individu dan menjanjikan lebih lagi yang mana Najib berkata ianya merupakan bukti kerajaan BN menunaikan janjinya.

"Ini satu lagi janji ditepati kerajaan," kata Najib kepada 5,000 pemandu teksi dalam satu majlis di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Rafizi dalam pada itu turut menuduh Najib telah menciplak idea dasar Pakatan Rakyat (PR) dan mengumpan rakyat dengan berjanji akan melaksanakan program-program PR itu sekiranya Barisan Nasional menang dalam Pilihanraya Umum ke-13.

"Setakat ini, Umno dan Barisan Nasional terus gagal untuk mengumumkan manifesto mereka sendiri. Sebaliknya, Najib telah menciplak," tambah Rafizi.

Walaupun demikian, beliau tidak bimbang dengan langkah terbaru tersebut serta menyifatkannya sebagai satu gimik politik dan tidak akan berkesan untuk menarik sokongan pemandu teksi.

"Saya pasti pemandu-pemandu teksi yang ada di seluruh negara faham bahawa pengumuman Dato' Seri Najib Tun Razak hanyalah satu gimik politik untuk menenangkan kemarahan mereka selama ini.

"Penyelesaian berpanjangan isu permit teksi ini terletak di tangan Pakatan Rakyat yang mula-mula sekali memperjuangkan isu ini," kata Rafizi yang memberi janji PR akan menyelesaikan masalah yang dihadapi pemandu teksi sebaik memerintah Putrajaya.

Baru-baru ini, kumpulan pendesak mewakili pemandu teksi Lembah Klang menuntut permit teksi, dan berharap Putrajaya akan menerima permohonan permit teksi tanpa syarat kepada pemohon individu.

Sistem sewaan sedia ada yang mana teksi dikehendaki membayar setinggi tiga kali pendapatan mereka kepada syarikat yang kebiasannya dikaitkan dengan politik yang

digambarkan sebagai “perhambaan alaf baru”.

Kumpulan yang mendakwa mereka daripada Gerakan Tuntutan Pemandu Teksi (TEKSI), menuntut Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk mendengar tuntutan mereka, yang telah dibawa untuk perbincangan.

Dengan pilihan raya yang semakin hampir, pentadbiran Najib dilihat cuba mengrlakkan perselisihan dengan kumpulan pengundi sasaran seperti pemandu teksi bagi menghadapi pilihan raya yang getir kali ini.

TEKSI dibentuk Oktober lalu selepas sejumlah pemilik teksi di Lembah Klang bersatu menyuarakan ketidakpuasan hati mereka kepada Putrajaya agar memudahkan mereka memperolehi permit teksi.

Kumpulan itu juga sebelum ini mengugut untuk menjadi duta Pakatan Rakyat sekiranya tuntutan mereka tidak diendahkan.

Terdapat hampir 80,000 teksi di Malaysia dengan kebanyakannya di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang, namun rekod rasmi menunjukkan 79,571 pemandu teksi berdaftar, dan 1,303 syarikat teksi seluruh negara.

Syarikat-syarikat ini memiliki 31,978 permit atau 48 peratus jumlah permit teksi di negara ini.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-tekan-pemandu-teksi-guna-permit-persendirian-kata-pkr/>